



TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN
DUIT SYILING PERINGATAN 50 TAHUN
LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)**

14 APRIL 2022 (KHAMIS)

WISMA LKIM

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis.

SALUTASI

RUJUK FINAL DI LAPANGAN

YANG BERHORMAT DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH
Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) II

YANG BERBAHAGIA DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID
Ketua Setiausaha MAFI

YANG BERHORMAT DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL
Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)

YANG BERUSAHA ENCIK YUSOFF BIN OTHMAN
Ketua Pengarah LKIM

YANG BERUSAHA ENCIK ABU HASSAN ALSHARI BIN YAHAYA
Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia

Pengurusan Tertinggi MAFI

Ketua Ketua Jabatan dan Agensi MAFI

Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah LKIM

Pengarah-Pengarah Bahagian dan LKIM Negeri

Tetamu-Tetamu Jemputan

Rakan-Rakan Media

Seterusnya Tuan-Tuan, Puan-Puan dan Keluarga LKIM Yang Saya Hormati Sekalian.

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia,

1. Pertamanya, saya zahirkan ucapan terima kasih kepada LKIM kerana menjemput saya untuk bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan pada hari ini bagi meraikan dan menyempurnakan **Majlis Pelancaran Duit Syiling Peringatan 50 Tahun Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.**
2. Tahun lepas saya hadir merasmikan Sambutan 50 Tahun LKIM pada 1 November 2021 lalu iaitu genap 5 abad.
3. Hari ini, saya berbesar hati **merasmikan pula Duit Syiling Peringatan 50 Tahun LKIM yang direka bentuk dan dicetak khas bersempena Ulang Tahun Jubli Emas LKIM.**
4. Justeru, di kesempatan ini, saya rakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada semua warga kerja LKIM, sejak penubuhannya hingga kini atas segala jasa dan **khidmat bakti sama ada dari segi penyampaian perkhidmatan mahupun pelaksanaan program dan aktiviti-aktiviti serta pencapaian kejayaan yang telah direkodkan sepanjang tempoh 5 abad ini.**
5. Meniti usia 50 tahun, kewujudan LKIM dilihat sebagai sebahagian daripada **sejarah penting kepada industri perikanan negara apabila menjadi titik tolak kepada usaha peningkatan taraf hidup dan kedudukan sosioekonomi nelayan.**
6. Walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran, tempoh 50 tahun yang dilalui LKIM sejak penubuhannya telah memperlihatkan betapa agensi ini berusaha keras dalam **meningkatkan pendapatan nelayan dan menjaga kesejahteraan golongan ini, sekaligus terus mengembangkan dan memajukan sektor perikanan negara secara keseluruhannya.**
7. **Kejayaan LKIM tentu sekali berkait rapat dalam membantu menaikkan taraf hidup dan sumber ekonomi nelayan dari semasa ke semasa** menerusi pelbagai program dan inisiatif dalam meningkatkan produktiviti tangkapan hasil laut. Ini termasuk dengan mempelbagaikan sumber pendapatan nelayan dan keluarga nelayan melalui pelbagai bidang di keseluruhan rantai perikanan termasuk aktiviti agropelancongan, akuakultur, pemprosesan, perdagangan serta industri hiliran.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

8. Seperti yang saya sebutkan tadi, hari ini kita sama-sama akan saksikan pelancaran Duit Syiling 50 Tahun LKIM.
9. **Duit Syiling ini telah direka bentuk dan diterbitkan secara eksklusif oleh Bank Negara Malaysia khusus untuk LKIM** sempena sambutan Jubli Emas 50 Tahun LKIM pada 1 November 2021 yang lalu.

10. Saya difahamkan, konsep utama duit syiling ini adalah daripada gabungan warna dan kesan khas 3 dimensi atau 3D dan mengetengahkan elemen-elemen utama yang berkait rapat dengan industri perikanan.
11. **Selain itu, syiling yang akan dilancarkan sebentar lagi turut mempunyai ukiran khas “50 Tahun Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia” yang disifatkan sebagai peristiwa penting bagi memperingati Sambutan 50 Tahun yang pastinya penuh sejarah sejak organisasi ini ditubuhkan pada tahun 1971, sebagai sebuah badan berkanun di bawah MAFI.**
12. Apapun, saya pasti Duit Syiling ini merupakan manifestasi atas pencapaian dan kejayaan 5 abad penubuhan LKIM yang berteraskan pada sifat dedikasi, kerja kuat dan kesungguhan kerjasama antara para nelayan dan pihak LKIM bagi memastikan pembangunan industri perikanan negara terus bergerak efisien. Tahniah LKIM.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

13. **MAFI sentiasa komited dan prihatin dalam memastikan sosioekonomi nelayan serta industri perikanan baik dan berdaya maju.** Dalam hal ini, pada tahun ini sahaja, **MAFI telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM77.2 juta kepada LKIM bagi projek-projek Projek Rancangan Malaysia Ke-12.**
14. Selain itu, sehingga kini, **MAFI melalui LKIM telah menyalurkan peruntukan berjumlah 460 juta ringgit di bawah Projek Khas Perumahan Nelayan atau PKPN** untuk baikpulih rumah nelayan dan pembinaan rumah baharu kepada nelayan di seluruh negara.
15. Secara keseluruhan, selain PKPN, **MAFI melalui LKIM juga telah memperuntukkan lebih 150 juta ringgit pada tahun ini** bagi bantuan dan insentif kepada masyarakat nelayan seluruh negara yang merangkumi **Elaun Sara Hidup Nelayan atau (ESHN), Subsidi Minyak Diesel dan Petrol, Dana Nelayan, Tabung Bencana dan Kebajikan Nelayan, Projek Tanaman Kotan, Bantuan Projek Ekonomi Kumpulan Nelayan dan Program *Food Basket* Nelayan.**
16. **Seperti yang Tuan/Puan sedia maklum, ESHN pada tahun 2021 telah dinaikkan kepada 300 ringgit sebulan untuk nelayan laut** dan kadar yang sama ini diteruskan pada tahun ini. Ia **memberi manfaat kepada lebih 35 ribu nelayan laut** sesuai dengan objektif pelaksanaannya iaitu bagi membantu golongan nelayan meringankan beban dalam menghadapi tekanan ekonomi disebabkan peningkatan kos sara hidup.
17. Pada masa yang sama, **Kerajaan melalui Pembentangan Bajet 2022 juga telah mengumumkan inisiatif padanan caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri atau SKSPS oleh PERKESO dengan pembiayaan sebanyak 80 peratus termasuklah sektor perikanan.**

18. Di bawah inisiatif ini, nelayan hanya perlu membayar baki 20 peratus caruman iaitu sebanyak **Empat Puluh Enam Ringgit Enam Puluh Sen (RM46.60)** sahaja melalui potongan ESHN dan layak menerima kenaikan kadar faedah yang lebih tinggi daripada Pelan Pertama yang terdahulu.
19. Selari dengan hasrat **MAFI bagi menjadikan sektor pertanian dan industri makanan termasuk sektor perikanan sebagai penyumbang utama ekonomi negara**, pelbagai lagi program dan pendekatan baharu telah dirangka sepanjang tahun ini bagi meningkatkan pengeluaran dan memastikan bekalan ikan negara mencukupi sepanjang masa serta memenuhi piawaian.
20. Usaha pembangunan **sektor perikanan akan terus diberi penekanan dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 atau (DAN 2.0)**. Sektor agromakanan dijangka berkembang dengan peningkatan produktiviti melalui **penggunaan teknologi dan mekanisasi dalam aktiviti pertanian termasuk aktiviti perikanan**.
21. **MAFI sentiasa berusaha dan komited** untuk terus memastikan peningkatan pengeluaran dan bekalan makanan pertanian termasuk hasil perikanan sentiasa mencukupi bagi terus **menjamin sekuriti makanan negara**.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

22. Sesungguhnya, Kerajaan tidak pernah meminggirkan nelayan yang merupakan salah satu pemain industri yang sangat penting dalam memastikan kelangsungan bekalan makanan negara.
23. Saya menyeru **warga LKIM agar kita terus bersama-sama MAFI sebagai sebuah pasukan untuk memberikan khidmat yang terbaik demi kelangsungan prestasi sektor agromakanan negara**.
24. Akhir kata, saya yakin dan percaya, **LKIM akan terus menjadi Peneraju Pembangunan Nelayan dan Industri Perikanan Negara**, sesuai dengan misi penubuhannya.
25. Saya dengan **Sukacitanya Merasmikan Majlis Pelancaran Duit Syiling Peringatan 50 Tahun Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia**.

Sekian, Terima kasih.